



KENYATAAN MEDIA

untuk siaran segera

'SIMPAN & MENANG LEBIH KAW KAW' DENGAN BANK MUAMALAT

Kuala Lumpur, 03 Ogos 2020: Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini melancarkan kempen terbaharunya, '*Simpan & Menang Lebih Kaw Kaw*' untuk mendorong para pelanggannya bagi menyimpan dan berpeluang untuk memenangi hadiah menarik.

Diadakan untuk tahun kedua berturut-turut, kempen ini berlangsung selama setahun bermula 1 Ogos 2020 hingga 31 Julai 2021 dan menawarkan peluang kepada pelanggan untuk memenangi hadiah menarik termasuk hadiah utama wang tunai bernilai RM1,000,000.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, kempen ini adalah kesinambungan daripada kempen pertama iaitu '*Simpan & Menang Kaw Kaw*' yang telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelanggan.

"Kempen ini sejajar dengan komitmen Bank Muamalat untuk memupuk tabiat menyimpan dalam kalangan masyarakat, di samping membolehkan pelanggan menikmati ganjaran menarik untuk memenuhi keperluan mereka, terutama ketika ekonomi dijangka bertambah baik dari kesan pandemik COVID-19," kata Khairul.

Khairul menambah bahawa kempen sebelum ini berjaya menarik pelanggan sedia ada serta pelanggan baharu Bank Muamalat. Oleh yang demikian, kempen '*Simpan & Menang Lebih Kaw Kaw*' ini akan menawarkan lebih banyak ganjaran berbanding dengan kempen sebelumnya.

Lebih daripada 900 hadiah menarik ditawarkan, termasuk hadiah utama iaitu wang tunai bernilai RM1,000,000, empat buah kereta premium popular (2x Honda HRV, Honda Civic dan Proton X70) untuk cabutan suku tahunan. Selain itu, hadiah wang tunai juga ditawarkan untuk cabutan bulanan peringkat kebangsaan dan cabutan bulanan tempatan. Untuk kempen kali ini, Bank Muamalat turut memperkenalkan cabutan hadiah wang tunai bulanan khas untuk kategori pesara yang berumur 55 tahun ke atas.

Kempen '*Simpan & Menang Lebih Kaw Kaw*' 'terbuka untuk semua pelanggan sedia ada dan baharu yang mempunyai akaun simpanan, akaun semasa dan akaun gaji di Bank Muamalat. Pemegang akaun tersebut akan mendapat kelayakan secara automatik dengan menyimpan minimum RM100 dalam akaun Simpanan Bank Muamalat dan RM500 dalam akaun Semasa, sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Terdahulu, Bank Muamalat menyampaikan hadiah kepada empat (4) pemenang dari kempen sebelumnya, iaitu pemenang hadiah utama wang tunai bernilai RM1,000,000 dan 3 pemenang cabutan suku tahunan yang masing-masing menerima sebuah kereta Proton X70. Semua hadiah disampaikan oleh Naib Presiden Kanan, Bahagian Perbankan Konsumer, Encik Zury Rahimee Zainal Abiden.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai kempen '*Simpan & Menang Lebih Kaw Kaw*', sila layari laman sesawang kami di www.muamalat.com.my.

TAMAT

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

B₂ Saidatul Leiza Suleiman: +6011 1061 5266 | leiza@muamalat.com.my

Ibu Pejabat: Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web: www.muamalat.com.my Tel: 03 2600 5500



Ahli kumpulan
DRB-HICOM